



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

**KERATAN AKHBAR
DAN
BERITA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

18 OGOS 2023 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARAF HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

18 OGOS 2023 (JUMAAT)

Lotus's pasar lebih 900 produk PKS

FOTO: MOHD HALIM ABUL WAHID

Buka peluang 112 rakan kongsi PKS melalui Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia

Oleh FARHANA ABD KADIR
KUALA LUMPUR

Lotus's Stores Sdn Bhd membuka peluang kepada 112 rakan kongsi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di semua cawangan dalam negara untuk memasarkan produk mereka menerusi Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia.

Pengarah Eksekutif Khidmat Korporatnya, Azliza Baizura Azmel berkata, daripada jumlah tersebut melibatkan lebih 900 produk PKS dengan 90 peratus daripadanya telah

disahkan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Menurutnya, dengan sokongan daripada rakan strategik mereka iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), kempen tersebut mampu merancang industri produk tempatan sekaligus membantu isi rumah yang terbeban dengan kos sara hidup.

"Kami menyediakan sumber, kepakaran dan rangkaian pengedaran yang boleh membantu produk PKS lebih berinovasi bagi menyumbang pertumbuhan ekonomi negara.

"Kempen ini akan berlangsung sepanjang bulan bagi menyokong produk tempatan.

"Ia bertujuan meningkatkan pasaran barang buatan Malaysia dan mengajak masyarakat untuk menyokong industri PKS negara," katanya semasa Majlis Pelancaran Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia di cawangan Lotus's Cheras bersama KPDN.



Fuziah (tengah) dan Azliza Baizura (dua dari kiri) menyempurnakan gimik pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia 2023 di Lotus's Cheras pada Khamis.

Jelas Azliza Baizura, usaha tersebut mampu mengukuhkan lagi sokongan terhadap produk keluaran PKS setanding dengan jenama yang terkenal.

"Peningkatan kos sara hidup akibat inflasi menyebabkan setengah isi rumah memilih jenama kami yang lebih murah namun tetap berkualiti setanding dengan

jenama nasional lain," ulasnya.

Sementara itu, Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh berkata, tahun lalu jumlah nilai jualan secara keseluruhan dalam negara menerusi kempen tersebut mencecah lebih RM2.7 bilion.

Menurutnya, inisiatif Lotus's dalam menyediakan platform kepada pengusaha industri per-

niagaan mikro dan makro membantu merencanakan ekonomi negara.

"KPDN mempunyai perancangan untuk membantu pengusaha produk tempatan untuk memasarkan barangan mereka ke luar negara menerusi ekspo perdagangan yang kami adakan," jelasnya.



HANYA bekalan minyak masak botol pelbagai jenama memenuhi rak di kedai dan pasar raya di sekitar Johor Bahru, manakala minyak masak peket sukar diperolehi.

Terpaksa guna isian botol, untung makin mengecil

Peniaga kecil susah cari minyak peket

Oleh **KHAIRUL MOHD. ALI**

JOHOR BAHRU – Masalah bekalan minyak masak peket di daerah ini terus membelenggu bukan sahaja pengguna, malah peniaga kecil sehingga menyebabkan perniagaan mereka terjejas ekoran kos operasi tinggi.

Seorang peniaga makanan, Anita Akitat, 46, memberitahu, dia memerlukan antara 35 hingga 40 kilogram (kg) minyak masak seminggu dan terpaksa mencari bekalan di lima hingga enam buah kedai demi memenuhi tuntutan perniagaan.

Bagaimanapun katanya, usaha itu adakalanya tidak membuahkan hasil apabila kebanyakan kedai mencatu penjualan dengan seorang hanya boleh membeli

antara dua hingga tiga peket.

"Berikutan itu saya terpaksa menggunakan minyak botol dan sudah tentu kos operasi meningkat, namun harga jualan makanan kekal sama. Ini bermakna keuntungan dalam perniagaan semakin berkurangan.

"Bayangkan sekiranya berniaga selama seminggu, bekalan minyak masak peket hanya mencukupi untuk sehari setengah sahaja, hari-hari lain terpaksa guna minyak masak botol," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Anita yang telah kira-kira 10 tahun berniaga berharap pihak berkuasa dapat memastikan bekalan minyak masak peket kembali mudah diperolehi.

Peniaga makanan lain, Roslan Adan, 60, memberitahu, kesu-

karan mendapatkan bekalan menyebabkan dia terpaksa menggunakan minyak masak botol lima kilogram setiap hari.

"Saya masak roti canai, sudah tentu banyak minyak. Memang susah nak jumpa minyak masak peket sekarang, kalau jumpa pun cuma dapat beberapa sahaja dan ia tidak mencukupi untuk kegunaan harian.

"Demi kelangsungan, saya terpaksa membeli minyak botol untuk dibuat berniaga, walaupun keuntungan kurang tetapi apa-kan daya," ujarinya.

Tinjauan di beberapa premis perniagaan sekitar bandar raya ini mendapati bekalan minyak botol memenuhi rak, namun penjualan minyak peket terhad kepada dua peket setiap keluarga.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE (KPDN)

18 OGOS 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 18 OGOS 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Aug	Kempen Beli Barangan Malaysia catat nilai jualan RM2.7 bilion tahun lalu	https://www.kosmo.com.my/2023/08/17/kempen-beli-barangan-malaysia-catat-nilai-jualan-rm2-7-bilion-tahun-lalu/	KOSMO
18-Aug	KPDN Perak sita gas LPG dijual tanpa lesen	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/274234	SH
18-Aug	Dua ditahan simpan, jual LPG tanpa lesen	https://www.kosmo.com.my/2023/08/17/dua-ditahan-simpan-jual-lpg-tanpa-lesen/	KOSMO
18-Aug	KBBM: Malaysians should be proud of local products	https://www.thesundaily.my/home/kbbm-malaysians-should-be-proud-of-local-products-fuziah-AE11376897	THESUNDAILY
18-Aug	KBBM: Rakyat perlu bangga guna barangan tempatan - Fuziah	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kbbm-rakyat-perlu-bangga-guna-barangan-tempatan-fuziah-433302%3famp=1	ASTROAWANI
18-Aug	KBBM: Rakyat perlu bangga guna barangan tempatan	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2217104	BERNAMA
18-Aug	KBBM: Malaysians should be proud of local products	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2217138	BERNAMA
18-Aug	Malaysians Should Be Proud Of Local Products: Deputy Minister	https://www.businesstoday.com.my/2023/08/17/malaysians-should-be-proud-of-local-products-deputy-minister/	BUSINESSTODAY
18-Aug	KBBM: Rakyat perlu bangga guna barangan tempatan	https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/17/kbbm-rakyat-perlu-bangga-guna-barangan-tempatan	UMBORNEO
18-Aug	Minister: Malaysians should be proud of local products	https://selangorjournal.my/2023/08/minister-malaysians-should-be-proud-of-local-products/	SELANGORJOURNAL

18-Aug	Restoran guna logo halal tamat tempoh diserbu KPDN	https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/restoran-guna-logo-halal-tamat-tempoh-diserbu-kpdn/	UM
18-Aug	Restaurant busted for using expired halal logo	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/08/944142/restaurant-busted-using-expired-halal-logo	NST
18-Aug	KPDN serbu restoran guna logo halal tamat tempoh	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/274280	SH